



TUN Juhar Mahiruddin (kanan) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Hubungan Antarabangsa kepada Xanana Gusmao (kiri) di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN



XANANA Gusmao (dua dari kiri) ditemani Mohd. Harun Abdullah (kiri) menandatangani plak perasmian pusat perhubungan UMS-Timor Leste di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, semalam.

UMS, Timor Leste meterai MoU jalin kerjasama industri minyak

UM 3.4.2014 12

KOTA KINABALU 2 April - Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Kementerian Petroleum dan Sumber Mineral Timor Leste serta Kementerian Pendidikannya hari ini menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bagi jalinan kerjasama dalam industri minyak dan gas.

Menerusi MoU itu, UMS akan memberi latihan kemahiran dan industri minyak dan gas kepada 30

pelajar Timor Leste kumpulan pertama.

UMS diwakili oleh Naib Canselorinya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan Timor Leste diwakili Menteri Pendidikannya, Bendito Dos Santos Freitas.

Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin dan Perdana Menteri Timor Leste, Xanana Gusmao menyaksikan majlis MoU tersebut.

Terdahulu, Mohd. Harun dalam

ucapannya mengalu-alukan kedatangan 38 ahli delegasi dari Timor Leste ke UMS dan berharap lawatan itu dapat mengukuhkan hubungan kedua-dua pihak.

"UMS mempunyai Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Sarjana Kursus Kejuruteraan yang pertama kali ditawarkan di Malaysia dengan mengkhususkan bidang minyak dan gas. Kami telah mengambil kumpulan pertama

pelajar siswazah pada pertengahan 2011.

"Kami juga bersedia untuk melancarkan program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas yang dijangka memulakan pengajian pada September 2014," katanya dalam ucapan tahniah sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Hubungan Antarabangsa kepada Gusmao hari ini.

Pada majlis berasingan, Gus-

mao turut melancarkan pusat perhubungan UMS-Timor Leste, yang terletak di Galeri Akademik dan Penyelidikan di Bangunan Canselori UMS yang bertanggungjawab menyelaras serta mengukuhkan hubungan dengan republik itu.

Gusmao melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia bermula Ahad lalu dan dijadual berlepas ke Singapura pada sebelah petang.